

UNIT JURNAL DAN DOKUMENTASI
DIPERIMA
28 APR 2017
U.R.D
M.B.P.J.

Kosmo
26/4/17
mls - 25

LAMAN
GLOBAL

Sepanyol paling ramai penderma organ di dunia

SEBAIK sahaja menjadi penghuni Hospital La Paz yang terletak di tengah-tengah ibu kota Madrid, Sepanyol, Juan Benito Druet mendapat khabar gembira bahawa dia bakal menerima buah pinggang yang sihat tidak lama lagi.

"Kita tidak tahu apa yang akan berlaku selepas pembedahan, tetapi saya harus mengambil peluang ini," ujar pembuat dandang berusia 63 tahun itu.

Sepanyol menjadi peneraju dunia dalam arena pemindahan organ sejak 25 tahun lalu dengan setiap hari pembedahan pemindahan organ dijalankan di



ketika dalam proses menunggu. Apa yang boleh memperbaiki keadaan ini adalah jaringan kerjasama dan organisasi berpusat. Itu kuncinya," tambahnya.

Kehidupan baharu

Tahun lalu, di Sepanyol, sekitar empat hingga enam peratus daripada pesakit meninggal dunia ketika mereka berada dalam senarai menunggu organ penting seperti hati, jantung dan paru-paru.

Bagi Ramon Garcia Castillo, 85, selepas 13 tahun melakukan dialisis dia akhirnya menjalani pemindahan buah

pemindahan organ dijalankan di negara itu.

Menurut Pertubuhan Transplan Nasional (ONT) negara itu, sejumlah 4,818 pembedahan pemindahan organ dikendalikan tahun lalu dengan 2,994 daripadanya melibatkan buah pinggang.

Spanyol merekodkan kadar (pmp) penduduk pada tahun 2016 meningkat daripada 40.2 berbanding tahun sebelumnya memecah rekod dunia sebagai negara berpopulasi penderma organ tertinggi.

Sebagai perbandingan, Amerika Syarikat mencatat 28.2pmp diikuti, Perancis 28.1 pada tahun yang sama. Malaysia sendiri hanya mencapai kadar 0.6pmp tahun lalu.

"Ini lebih baik daripada memenangi loteri," tutur isteri Druet, Jeronima, 60, dengan nada ceria sambil ditemani dua anak mereka.

Penyelaras

Sejak sekian lama, wanita itu menyimpan impian belayar bersama suaminya. Sebelum ini, hasrat itu mustahil ditunaikan dengan keadaan kesihatan Druet yang terpaksa bergantung kepada mesin dialisis seberat 15 kilogram untuk mencuci darahnya setiap malam.

Menurut pengasas ONT, Rafael Matesanz, pembedahan itu dijangka mengambil masa empat jam 30 minit.

Jelasnya, pakar bedah akan membuat torehan sekitar 15

PEMBEDAHAN pemindahan organ dijalankan setiap hari di Sepanyol dengan sejumlah 4,818 pembedahan dikendalikan tahun lalu.

sentimeter (sm) di abdomen Druet untuk memindahkan buah pinggang yang diambil daripada seorang wanita sehari sebelum kematiannya.

"Selepas menjalani pembedahan, berat badan pesakit biasanya akan meningkat dengan kesihatan mereka beransur pulih. Ia ibarat memindahkan nyawa," tuturnya.

Matesanz bertindak menyelia pelaksanaan operasi pemindahan organ yang dilakukan mengikut sistem berpusat. Ia model sama ditiru Portugal dan Croatia selain memberi inspirasi kepada negara-negara lain di sekitar Eropah.

Setiap hospital mempunyai penyelaras pemindahan. Mereka terdiri daripada seorang doktor serta jururawat yang pakar dalam rawatan rapi dan berkebolehan mengenal pasti pesakit yang berisiko mengalami serangan jantung atau kematian otak.

Dalam kes sedemikian, organ seperti buah pinggang, hati, paru-paru, pankreas dan kadangkala jantung masih boleh berfungsi dengan baik untuk diberi kepada mereka yang memerlukan.

Maklumat pendermaan organ akan disalurkan dengan pantas kepada ONT yang kemudiannya

akan mencari padanan bersesuaian untuk individu yang berada dalam senarai menunggu.

Jika pesakit tinggal di lokasi jauh, organ yang disimpan sejuk akan dihantar menggunakan kapal terbang dan dimuatkan di kokpit bersama juruterbang.

Kos rawatan adalah percuma kerana ditanggung sepenuhnya Jabatan Kesihatan Awam Sepanyol. Ia hanya disediakan kepada rakyat negara itu bagi mengelakkan eksploitasi atau penyeludupan organ.

Pegawai dari jabatan etika Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Marie-Charlotte Bouesseau menjelaskan, di seluruh dunia, hanya kira-kira 10 peratus pesakit yang perlu menjalani pemindahan organ dapat berbuat demikian.

"Ini bermakna baki 90 peratus lagi berkemungkinan menemui ajal



PEMBEDAHAN dijangka mengambil masa empat jam 30 minit.

pemindahan organ pinggang pada tahun 2010.

"Sebelum mendapat buah pinggang itu, saya perlu berulang-alik ke hospital tiga kali seminggu untuk rutin rawatan yang mengambil masa hampir empat jam.

"Saya bagaikan mendapat kehidupan baharu. Saya cuma perlu makan ubat bagi memastikan tubuh tidak menolak buah pinggang yang didermakan itu," tutur bekas juruteknik televisyen itu.
- AFP

KOS rawatan pemindahan organ di Sepanyol ditanggung sepenuhnya Jabatan Kesihatan Awam negara itu.

